



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# PENDIDIKAN ANAK-ANAK ORANG MELAYU DI SEKOLAH INGGERIS DAERAH KOTA SETAR, 1909-1957

MUHAMMAD QIWAMUDDIN ALIF BIN  
MAHAMAD NAJIB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDIDIKAN ANAK-ANAK ORANG MELAYU DI SEKOLAH  
INGGERIS DAERAH KOTA SETAR, 1909-1957.

MUHAMMAD QIWAMUDDIN ALIF BIN MAHAMAD NAJIB

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

|   |
|---|
|   |
| / |
|   |
|   |

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ..1.. (hari bulan) 06..(bulan) 2021.

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, MUHAMMAD QIWAMUDDIN ALIF BIN MAHAMAD NAJIB / M20181001192/ FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENDIDIKAN ANAK-ANAK ORANG MELAYU DI SEKOLAH INGERIS DAERAH KOTA SETAR, 1909-1957 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya PROFESOR MADYA DR KHARI BIN ARIFFIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENDIDIKAN ANAK-ANAK ORANG MELAYU DI SEKOLAH INGERIS DAERAH KOTA SETAR, 1909-1957 (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

1/6/2021

Tarikh

KHARI

Tandatangan Penyelia


 UPSI/IPS-3/BO 31  
 Pind.: 01 m/s:1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
 INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
 DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

 Tajuk / Title: : PENDIDIKAN ANAK-ANAK ORANG MELAYU DI SEKOLAH  
 INGERIS DAERAH KOTA SETAR, 1909-1957

 No. Matrik /Matric's No.: M20181001192

 Saya : MUHAMMAD QIWAMUDDIN ALIF BIN MAHAMAD NAJIB

(Nama pelajar / Student's Name)

 mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan  
 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan  
 seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan  
 penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran  
 antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

 Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau  
 kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia  
 Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official  
 Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

 Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh  
 organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains  
 restricted information as specified by the organization where research  
 was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**
  
 (Tandatangan Pelajar/ Signature)


  
 (Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

 Tarikh: 01/06/2021

 Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan  
 dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

 Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period  
 and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat ILAHI dengan izinnya saya dapat menyiapkan tesis yang bertajuk “Pendidikan Anak-Anak Orang Melayu Di Sekolah Inggeris Daerah Kota Setar, 1909-1957” sebagai syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia).

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan terima kasih kepada semua terlibat secara langsung serta secara tidak langsung dalam memberi kerjasama dan bantuan sepanjang sayamenyiapkan tesis ini. Jutaan terima kasih ditujukan buat Profesor Madya Doktor Khairi bin Ariffin selaku penyelia yang berdedikasi membimbing saya dalam menyempurnakan penulisan ilmiah ini. Ucapan penghargaan terima kasih juga ingin saya tujukan kepada semua pensyarah di Jabatan Sejarah yang banyak membantu secara langsung atau tidak langsung.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Arkib Negara Malaysia atas segala bantuan, kerjasama serta layanan baik yang diberikan. Tidak lupa kepada kakitangan Arkib Negara Cawangan Kedah/Perlis, , Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI), Perpustakaan (UM) dan Perpustakaan Negeri Kedah. Ucapan sekalung penghargaan buat sahabat seperjuangan saya yang sudi memberikan idea dan kritikan terhadap tesis ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Yayasan Bank Rakyat (YBR) diatas tajaan pendidikan yang telah diberikan kepada saya.

Akhir sekali, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih buat ayah dan ibu saya Mahamad Najib bin Hashim dan Nordhiziriah binti Ismail serta seluruh ahli keluarga saya yang sentiasa mendoakan kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan saya. Selain itu tidak lupa kepada Shahirah Suraya binti Abdul Aziz diatas sokongan dan dorongan yang diberikan dalam menyiapkan tesis ini. Akhir kata, semoga Allah SWT memberkati dan merahmati kepada semua pihak yang terlibat.

Sekian Terima Kasih.

Muhammad Qiwamuddin Alif bin Mahamad Najib  
M20181001192  
Jabatan Sejarah,  
Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900, Tanjong Malim, Perak.





## ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan tentang sejarah Pendidikan Anak-Anak Orang Melayu Di Sekolah Inggeris Daerah Kota Setar, dari tahun 1909 sehingga 1957. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji latar belakang pendidikan orang Melayu di daerah Kota Setar. Selain itu, kajian ini turut mengkaji pendidikan anak-anak orang Melayu ke sekolah Inggeris kerajaan di daerah Kota Setar dari tahun 1909 sehinggalah tahun 1957. Kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis perkembangan pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris kerajaan daerah Kota Setar. Di samping itu, kajian ini lakukan adalah untuk menilai kesan pendidikan Inggeris ke atas anak-anak orang Melayu di daerah Kota Setar. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat rujukan di perpustakaan dan arkib. Maklumat-maklumat tersebut diperoleh melalui sumber primer dan sekunder. Sumber primer tersebut merujuk kepada analisis dokumen seperti *Colonial Office* (CO), *Annual Report*, dan fail Setiausaha Kerajaan (SUK) dari Arkib Negara Malaysia. Selain itu, sumber sekunder seperti penulisan ilmiah dari Arkib Negara Malaysia, Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut digunakan. Di samping itu, kajian ini turut menggunakan kaedah pemerhatian di lapangan seperti di sekolah-sekolah yang dikaji. Hasil kajian mendapati British telah membuat perubahan dalam pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar. Pada awalnya, daerah Kota Setar mengamalkan sistem pendidikan secara tidak formal dan secara tradisional iaitu pengajian secara tidak langsung, pengajian di pondok-pondok dan di masjid-masjid. Namun setelah kemasukan British, sistem pendidikan Inggeris yang diperkenalkan olehnya memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu untuk mempelajari pelajaran Inggeris bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar yang dibawa oleh British bagi membantu melicinkan pentadbiran negeri serta meningkatkan taraf hidup masyarakat daerah Kota Setar sepanjang pendudukan British di Kedah khususnya daerah Kota Setar.



## THE MALAY CHILDREN'S EDUCATION IN GOVERNMENT ENGLISH SCHOOL IN DISTRICT OF KOTA SETAR FROM 1909 TO 1957.

### ABSTRACT

This study concentrated on the history of Malay children's education in Government English School in district of Kota Setar from 1909 to 1957. The Government English School was established by the Kedah state government when they realised the importance of English education for Malay children in district of Kota Setar in changing their lives. The implementation of English education to the Malays children in district of Kota Setar give an impact and challenges to them. This study use qualitative methods by reference in libraries and archieve. The information was obtained through primary and secondary sources. The primary sources refer to the analysis of document such as the Colonial Office (CO), Annual Report and the files of Government Secretary (SUK) from National Archieve. Next, the secondary sources like scholarly papers from the National Archieves, University of Malaya (UM), Sultan Idris Education University (UPSI) and National University of Malaysia (UKM) were also used. The results showed that the British had made changes in English education in district of Kota Setar. At the first, the district of Kota Setar practise an informal and traditional system of education which include indirect education such as *pondok-pondok* and the mosques. But, after the entry of British, the English education system introduced by them was given the awareness to the community to learn English to improve their living standards. In conclusion, this study was carried out to see the Malay children's education in Government English School in district of Kota Setar brought by the British to help smoothing out the state administration and also to improve the living standard of community in Kota Setar during the British's colonisation in Kedah especially in district of Kota Setar. The implication of this study may give the impression to the success of Malay students in Government English Schooli district of Kota Setar in changing the living standard of the community in Kota Setar.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

|                              |      |
|------------------------------|------|
| <b>PENGAKUAN</b>             | ii   |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN</b> | iii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>           | iv   |
| <b>ABSTRAK</b>               | v    |
| <b>ABSTRACT</b>              | vi   |
| <b>KANDUNGAN</b>             | vii  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>        | xi   |
| <b>SENARAI RAJAH</b>         | xiii |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>     | xiv  |

**BAB 1      PENGENALAN**

|      |                       |    |
|------|-----------------------|----|
| 1.1  | Latar Belakang Kajian | 1  |
| 1.2  | Penyataan Masalah     | 3  |
| 1.3  | Objektif Kajian       | 6  |
| 1.4  | Soalan Kajian         | 6  |
| 1.5  | Metodologi Kajian     | 7  |
| 1.6  | Kepentingan Kajian    | 9  |
| 1.7  | Skop Kajian           | 11 |
| 1.8  | Sorotan Kajian        | 12 |
| 1.9  | Definisi Istilah      | 27 |
| 1.10 | Pembahagian Bab       | 29 |
| 1.11 | Kesimpulan            | 31 |





## **BAB 2                    LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ORANG MELAYU DI DAERAH KOTA SETAR**

|       |                                                        |    |
|-------|--------------------------------------------------------|----|
| 2.1   | Pendahuluan                                            | 32 |
| 2.2   | Pendidikan Awal Anak-Anak Orang Melayu                 | 36 |
| 2.3   | Sejarah Sekolah Melayu Di Daerah Kota Setar            | 54 |
| 2.3.1 | Sekolah Melayu Jawi, Padang Lepai                      | 59 |
| 2.3.2 | Sekolah Melayu Jalan Baharu                            | 60 |
| 2.3.3 | Sekolah Perempuan Melayu<br>Seberang Perak             | 63 |
| 2.3.4 | Sekolah Melayu Alor Merah                              | 63 |
| 2.3.5 | Sekolah Melayu Langgar                                 | 63 |
| 2.3.6 | Sekolah Melayu Tandop                                  | 65 |
| 2.4   | Perkembangan Pelajaran Pendidikan<br>Daerah Kota Setar | 66 |
| 2.5   | Sekolah Inggeris Kerajaan, Kota Setar                  | 72 |
| 2.5.1 | Sekolah Inggeris Kerajaan (G.E.S)                      | 75 |
| 2.5.2 | Sekolah Perempuan Kampung Baharu                       | 86 |
| 2.6   | Sekolah Inggeris Mubaligh                              | 87 |
| 2.6.1 | Sekolah St Nicholas Convent, Alor Setar                | 91 |
| 2.6.2 | Sekolah St Michael Institution Alor Setar              | 93 |
| 2.7   | Seberkas Free School                                   | 96 |
| 2.8   | Kesimpulan                                             | 97 |



**BAB 3****KEMASUKAN ANAK-ANAK ORANG MELAYU KE SEKOLAH INGGERIS DI DAERAH KOTA SETAR**

|       |                                                                           |     |
|-------|---------------------------------------------------------------------------|-----|
| 3.1   | Pendahuluan                                                               | 99  |
| 3.2   | Latar Belakang Pelajar Melayu Di Sekolah Inggeris                         | 101 |
| 3.3   | Syarat Kemasukan Ke Sekolah Inggeris Kerajaan                             | 107 |
| 3.4   | Kemasukan Anak-Anak Orang Melayu Ke Sekolah Inggeris Kerajaan, Kota Setar | 113 |
| 3.4.1 | Sekolah Inggeris Kerajaan (G.E.S) / Kolej Sultan Abdul Hamid              | 114 |
| 3.4.2 | Sekolah Perempuan Kampung Baharu                                          | 132 |
| 3.5   | Bayaran Yuran Di Sekolah Inggeris Kerajaan                                | 137 |
| 3.6   | Biasiswa Untuk Pelajar Melayu Di Sekolah Inggeris Kerajaan                | 139 |
| 3.7   | Kebajikan Pelajar-Pelajar Melayu di Sekolah Inggeris Kerajaan, Kota Setar | 147 |
| 3.8   | Kesimpulan                                                                | 155 |

**BAB 4****PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK ORANG MELAYU DI SEKOLAH INGGERIS DAERAH KOTA SETAR.**

|     |                                                        |     |
|-----|--------------------------------------------------------|-----|
| 4.1 | Pendahuluan                                            | 156 |
| 4.2 | Kurikulum Sekolah Inggeris Kerajaan, Daerah Kota Setar | 158 |



|     |                                                                           |     |
|-----|---------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.3 | Kokurikulum Sekolah Inggeris Kerajaan,<br>Daerah Kota Setar               | 168 |
| 4.4 | Peruntukan Perbelanjaan Sekolah<br>Kerajaan Inggeris Di Daerah Kota Setar | 180 |
| 4.5 | Pencapaian Akademik Pelajar Melayu                                        | 191 |
| 4.6 | Kesimpulan                                                                | 196 |

## **BAB 5            KESAN PELAJARAN INGGERIS TERHADAP ANAK-ANAK ORANG MELAYU DI DAERAH KOTA SETAR**

|     |                                                                           |     |
|-----|---------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1 | Pendahuluan                                                               | 198 |
| 5.2 | Perspektif Masyarakat Melayu<br>Terhadap Pendidikan Inggeris              | 199 |
| 5.3 | Kejayaan Pelajar Melayu Di Sekolah Inggeris Kerajaan                      | 212 |
| 5.4 | Sumbangan Pelajar Lepas Sekolah Inggeris Kerajaan<br>Di Daerah Kota Setar | 235 |
| 5.5 | Kesimpulan                                                                | 249 |

## **BAB 6            KESIMPULAN**

|     |         |     |
|-----|---------|-----|
| 6.1 | Rumusan | 251 |
|-----|---------|-----|

|                |  |     |
|----------------|--|-----|
| <b>RUJUKAN</b> |  | 256 |
|----------------|--|-----|

**SENARAI JADUAL**

| <b>No. Jadual</b> |                                                                              | <b>Muka Surat</b> |
|-------------------|------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 2.1               | Pondok Pengajian Agama Yang Di Kesan Pada Tahun 1941                         | 42                |
| 2.2               | Bilangan Sekolah Melayu Di Kedah, 1908                                       | 57                |
| 2.3               | Senarai Guru Besar Inggeris Kerajaan Alor Setar 1909-1940                    | 84                |
| 2.4               | Jumlah Penduduk Mengikut Kaum Di Setiap Daerah Di Kedah 1931                 | 87                |
| 3.1               | Jumlah Penduduk Mengikut Kaum Di Kedah 1929-1937                             | 101               |
| 3.2               | Penyertaan Dalam Kegiatan Ekonomi Mengikut Kaum Di Kedah                     | 103               |
| 3.3               | Jumlah Murid Sekolah Inggeris Kerajaan, Alor Setar, Mengikut Kaum 1909-1940. | 116               |
| 3.4               | Jumlah Murid Di Sekolah Inggeris Kerajaan Alor Setar (1.1.1931)              | 124               |
| 3.5               | Jumlah Pelajar Di Kolej Sultan Abdul Hamid                                   | 127               |
| 3.6               | Jumlah Murid Sekolah Inggeris Kerajaan, Alor Setar 1940                      | 130               |
| 3.7               | Jumlah Pelajar Sekolah Inggeris Perempuan Kampung Baharu 1924-1939.          | 133               |
| 3.8               | Jumlah Pelajar Melayu Yang Menerima Biasiswa Di Sekolah Inggeris Kerajaan.   | 140               |
| 3.9               | Jumlah Murid Yang Menerima Biasiswa Di G.E.S. 1930/31                        | 142               |





|      |                                                                                   |     |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 3.10 | Bilangan Pelajar Yang Menerima Biasiswa Di Sekolah Inggeris Kerajaan, Kota Setar. | 144 |
| 3.11 | Jenis Kerosakan Dan Kos Pembiayaan                                                | 152 |
| 4.1  | Perbelanjaan Pelajaran Sebenar Di Kedah 1909-1940                                 | 180 |
| 4.2  | Butiran Perbelanjaan Di Sekolah Inggeris Kerajaan 1932-1937                       | 185 |
| 4.3  | Lain-lain Perbelanjaan                                                            | 188 |
| 5.1  | Jumlah Penduduk Kedah Di Bandar Mengikut Kaum 1921                                | 203 |
| 5.2  | Jumlah Murid Yang Menerima Biasiswa Di G.E.S 1930/1931                            | 204 |



## SENARAI RAJAH

### No Rajah

### Muka Surat

|     |                                 |    |
|-----|---------------------------------|----|
| 2.1 | Cabang Penuntut Ilmu Muka Surat | 41 |
|-----|---------------------------------|----|



## SENARAI SINGKATAN

|          |                                                                                    |
|----------|------------------------------------------------------------------------------------|
| G.E.S    | <i>Government English School</i>                                                   |
| C.O      | <i>Colonial Office</i>                                                             |
| F.O      | <i>Foreign Office</i>                                                              |
| SUK      | Setiausaha Kerajaan                                                                |
| SEBERKAS | Syarikat Bekerjasama Am Saiburi                                                    |
| SAHC     | <i>Sultan Abdul Hamid College</i>                                                  |
| KCS      | Perkhidmatan Awam Negeri                                                           |
| UMNO     | <i>United Malay National Organisation/</i><br>Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu |
| P.K.N.K  | Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah                                                   |
| FELDA    | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan                                                 |
| NGO      | <i>Non-governmental Organisation/</i><br>Pertubuhan Bukan Kerajaan                 |
| MADA     | Lembaga Kemajuan Pertanian Muda                                                    |
| ASP      | <i>Assistant Superintendant of Police</i>                                          |
| PERKIM   | Pertubuhan Kebajikan Malaysia                                                      |



## BAB 1

### PENGENALAN

Negeri Kedah Darul Aman atau dikenali sebagai negeri “Jelapang Padi” terletak di utara Semenanjung Tanah Melayu merupakan salah sebuah negeri yang ditadbir oleh British pada tahun 1909 . Negeri Kedah telah dibuka oleh Maharaja Durbar Raja yang memberi nama sebagai “ Kalaha”.<sup>1</sup> Negeri Kedah juga kaya dari segi sejarahnya, hal ini kerana Kedah telah melalui peristiwa perang Kedah-Siam dalam mempertahankan kedaulatannya daripada ancaman

---

<sup>1</sup> Mazizah Haji Md. Darus, Zahidi Dato’ Zainol Rashid, *Tak Sesungguhnya Seluang Melaut*. (Kedah: UpcasSdn. Bhd,1999), 7.

Siam dan British sehingga terpaksa melepaskan Pulau Pinang (1786M), Seberang Perai (1800M), Perlis dan Setol yang merupakan sebahagian wilayah yang dirampas dan dipisahkan kuasa politiknya.<sup>2</sup>

Pengkaji menjalankan kajian yang bertajuk pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar. Kota Setar merupakan sebuah daerah yang terletak di negeri Kedah Darul Aman. Dalam daerah ini, terletaknya ibu negeri Kedah iaitu Alor Setar. Nama Kota Setar berasal daripada nama sebatang pokok yang tumbuh di sekitar kawasan itu iaitu Pokok Setar atau nama saintifiknya *Boueamacrophylla*.<sup>3</sup> Kota Setar juga telah diasaskan pada 15 Syaaban 1148 oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah 11 (1710- 1778).<sup>4</sup> Kota Setar mempunyai keluasan sebanyak 66,470.80 hektar atau 665 km<sup>2</sup> Terdapat 29 mukim di dalam daerah Kota Setar ini.<sup>5</sup> Alor Setar merupakan pusat pentadbiran kelapan negeri sejak Kesultanan Kedah pada 1136. Bandar ini terletak di tempat pertemuan dua batang Sungai Kedah.<sup>6</sup>

<sup>2</sup> Dokumentari Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman. C.1. (Kedah: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman, Alor Setar, 1991), 10.

<sup>3</sup> H. MD. Noor Salleh. *Cetera*. (Selangor: Istiramai Marketing Sdn. Bhd, 1995), 54.

<sup>4</sup> Ibid, 54.

<sup>5</sup> Mukim, bandar dan pekan yang terdapat di daerah Kota Setar adalah terdiri daripada Mukim Alor Malai, Mukim Anak Bukit, Mukim Derga, Mukim Gunong, Mukim Kangkong, Mukim Kubang Rotan, Mukim Langgar, Mukim Lengkuas, Mukim Lepai, Mukim Limbong, Mukim Padang Hang, Mukim Padang Lalang, Mukim Pengkalan Kundor, Mukim Sala Kechik, Mukim Sungai Baharu, Mukim Tajar, Mukim Tebengau, Mukim Telaga Mas, Mukim Titi Gajah, Bandar Alor Setar, Bandar Anak Bukit, Bandar Kuala Kedah, Bandar Alor Merah, Bandar Bukit Pinang, Bandar Langgar, Bandar Simpang Empat, Pekan Alor Janggus, Pekan Kota Sarang Semut dan Pekan Gunung.

<sup>6</sup> Mazidah Hj. MD. Darus. *Kedah Dulu-Dulu*, (Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn. Bhd, 2003), 75.

Selain itu, Istana Di Raja Kedah juga terletak di daerah Kota Setar. Sungai Kedah yang mengalir di Anak Bukit menyalurkan sebatang anak sungai iaitu Sungai Chegar Kechil yang mengelilingi Istana melalui pokok buah-buahan yang subur rendang.<sup>7</sup> Terdapat beberapa buah sekolah Inggeris seperti Sekolah Inggeris Kerajaan Alor Setar (G.E.S), Sekolah Perempuan Kampong Baharu, St Nicholas Convent dan St. Michael yang muncul awal di daerah Kota Setar dari segi perkembangan pelajaran Inggeris.

Kedah sebelum berada di bawah pentadbiran kolonial British adalah di bawah Kerajaan Siam yang akhirnya telah menyerahkan Kedah kepada British pada tahun 1909 melalui Perjanjian Bangkok 1909 yang ditandatangani di antara British dengan Siam. Melalui perjanjian ini, kuasa untuk mentadbir negeri Kedah tersebut telah berpindah tangan kepada British. Pendudukan British di Kota Setar telah membawa pelbagai perubahan dalam pentadbiran, ekonomi dan pendidikan.

## 1.2-Pernyataan Masalah

Kemasukan anak-anak orang Melayu di daerah Kota Setar ke sekolah Inggeris adalah sukar pada peringkat awal penubuhannya yang mengutamakan kepada anak-anak golongan kerabat diraja, pembesar dan golongan bangsawan Kedah.<sup>8</sup>

---

<sup>7</sup> Ibid,75.

<sup>8</sup> Bukhari bin Abdullah. *Sejarah Perkembangan Sekolah Inggeris di Kedah 1909 sehingga 1940.* (Tesis Sarjana, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia,1994),63.

Pihak British juga telah menghadkan bilangan sekolah-sekolah Inggeris ditubuhkan di daerah Kota Setar agar selari dengan kehendak dan dasar pelajaran British. Selain itu, British mengambil berat terhadap kebajikan sosial masyarakat Melayu dengan memberikan perhatian kepada pendidikan anak-anak orang Melayu.<sup>9</sup> Sehingga tahun 1930 tiada satu sistem yang jelas mengenai dasar kemasukan murid ke sekolah Inggeris. Oleh hal demikian, pihak British telah membuka peluang seluas-luasnya kepada anak-anak orang Melayu di daerah Kota Setar yang berkemampuan dan berhasrat untuk memohon belajar di sekolah-sekolah Inggeris.<sup>10</sup> Kemasukan anak-anak orang Melayu ke sekolah Inggeris kerajaan bermula dengan memasuki terus ke sekolah rendah Inggeris. Pelajar Melayu dikehendaki membayar yuran pada kadar tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah Inggeris tersebut.

Pada peringkat awal, pendidikan di sekolah Inggeris di Kota Setar juga turut tidak menetapkan tahap umur untuk memasuki ke sekolah Inggeris kerajaan. Hal ini secara tidak langsung telah menyebabkan berlakunya peningkatan bilangan pelajar Melayu yang ketara di sekolah Inggeris kerajaan / *Government English School* (G.E.S). Pihak kerajaan Kolonial British telah menubuhkan satu Jawatankuasa bagi mengkaji dan menyusun semula dasar pelajaran di sekolah Inggeris di daerah Kota Setar dengan menetapkan had umur dan jumlah kemasukan pelajar ke sekolah Inggeris di daerah Kota Setar pada setiap tahun.<sup>11</sup>

---

<sup>9</sup> “*History of The Sultan Abdul Hamid College*”, dalam Diomond Jublee SAHC, 1969, 11.<sup>10</sup> Bukhari bin Abdullah. 1994. *Sejarah Perkembangan Sekolah Inggeris di Kedah 1909 sehingga 1940*. (Tesis Master, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia), 176.

<sup>11</sup> Ibid, 177.

Namun begitu, pihak kerajaan juga turut memberikan pertimbangan kepada permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kemasukan ke sekolah Inggeris.<sup>12</sup> Sekolah Inggeris kerajaan (G.E.S) yang telah diperkenalkan pada tahun 1909 di daerah Kota Setar adalah bagi melatih dan melayakkan ramai anak negeri yang akan menggantikan pengawai-pengawai British dalam segala bidang pentadbiran negeri.<sup>13</sup> Sekolah Inggeris kerajaan (G.E.S) ini mula ditubuhkan oleh pihak kerajaan negeri Kedah apabila mereka mula menyedari kepentingan bahasa Inggeris terhadap masyarakat setempat. Orang-orang Melayu di daerah Kota Setar pada tahun 1909 kurang memberikan sambutan untuk menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris kerana timbulnya persepsi ibu bapa orang Melayu yang menyatakan bahawa dengan menerima pelajaran Inggeris anak-anak orang Melayu akan terpengaruh dengan ajaran agama Kristian.<sup>14</sup> Ibu bapa masyarakat Melayu bersikap prejudis terhadap sekolah Inggeris yang boleh membentuk nilai-nilai barat ke dalam diri anak-anak orang Melayu di daerah Kota Setar.

Pihak British telah memberikan persepsi yang berbeza dengan memberikan pelajaran Inggeris kepada masyarakat Melayu di daerah Kota Setar bagi menjaga kepentingan ekonomi dan politik mereka.<sup>15</sup> Masyarakat Melayu di daerah Kota Setar menyedari tentang kepentingan lepasan pendidikan Inggeris dalam mengubah nasib mereka agar anak mereka mendapat peluang untuk

---

<sup>12</sup> Fail Setiausaha Kerajaan Kedah, No 1316/49.

<sup>13</sup> Lim Swee Kee, *Kajian Kes Sejarah Pendidikan Inggeris di Kedah*-( Kolej Sultan Abdul Hamid,)(Arkib Negeri Kedah),5.

<sup>14</sup> Ibid,7.

<sup>15</sup> Bukhari bin Abdullah.1994. *Sejarah Perkembangan Sekolah Inggeris di Kedah 1909 sehingga 1940*.( Tesis Master, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia) ,80.

berkhidmat dalam pentadbiran British. Hal ini bersesuaian dengan matlamat pelajaran Inggeris adalah untuk menyediakan pelajar-pelajar dengan sijil-sijil bagi keperluan semua bidang pekerjaan dalam pentadbiran kerajaan kolonial untuk jawatan pekerjaan dan bidang perusahaan.<sup>16</sup> Anak-anak orang Melayu pada mulanya telah memasuki sekolah Inggeris kerajaan (G.E.S) sebelum wujudnya sekolah-sekolah Inggeris yang lain di daerah Kota Setar.

### 1.3- Objektif Kajian

- i) Mengkaji latar belakang pendidikan orang Melayu di daerah Kota Setar
- ii) Mengkaji pendidikan anak-anak orang Melayu ke sekolah Inggeris di daerah Kota Setar.
- iii) Menganalisis perkembangan pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar sehingga merdeka.
- iv) Menilai kesan pendidikan Inggeris ke atas anak-anak orang Melayu di daerah Kota Setar.

### 1.4- Soalan Kajian

- i. Bagaimanakah latar belakang pendidikan orang Melayu di daerah Kota Setar ?

---

<sup>16</sup>Ho Seng Ong, *Education For Unity In Malaya*, (Penang: The Ganesh Printing, 1952), 36.

- ii. Bagaimanakah situasi pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar ?
- iii. Sejauhmanakah perkembangan pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar sehingga merdeka ?
- iv. Apakah kesan pendidikan Inggeris terhadap anak-anak orang Melayu didaerah Kota Setar ?

### 1.5- Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu meneliti dan menganalisis secara kritis dokumen tinggalkan masa lalu, majalah-majalah sekolah yang lama dan surat menyurat yang melibatkan dengan pendidikan sekolah Inggeris di daerah Kota Setar . Pengkaji telah menggunakan kaedah heuristik pada peringkat awal pengkajian iaitu bermaksud mengumpulkan atau menemukan sumber sejarah.<sup>17</sup> Dalam kajian ini pengkaji mensasarkan pelbagai dapatan seperti dokumen, manuskrip, kajian- kajian terdahulu dan bahan-bahan yang disimpan dalam bentuk dokumen, rekod-rekod peninggalan pihak kolonial British di Kedah.

---

<sup>17</sup> Suhartono W.Pranoto, "Teori & Metodologi Sejarah", ( Yogyakarta : Grana Ilmu, 2004 ), 29.

Pengkaji telah mengenal pasti lokasi kajian, bentuk dan jenis kajian yang akan dijalankan.<sup>18</sup> Pengkaji menumpukan kepada catatan peristiwa, majalah-majalah lama, data-data statistik, rekod-rekod peninggalan pihak British Kedah dan dokumen- dokumen yang melibatkan institusi pendidikan Inggeris di daerah Kota Setar pada tahun 1909 sehingga tahun 1957. Maklumat-maklumat tersebut diperolehi daripada sumber primer dan sumber sekunder . Sumber primer tersebut merujuk kepada dokumen-dokumen seperti *Colonial Office* (CO), *Foreign Office* (FO), *Annual Report*, dan fail-fail Setiausaha Kerajaan (SUK) dari Arkib, pengkaji turut mengumpulsumber dari Arkib Negara Malaysia dan juga Arkib Negara Malaysia cawangan Kedah \ Perlis.

Manakala bagi sumber sekunder, penyelidik telah melakukan pengumpulan bahan seperti penulisan ilmiah yang telah dilaksanakan oleh sekumpulan ataupun secara individu dengan merujuk kepada sumber pertama.<sup>19</sup> Selain itu pengkaji turut menggunakan rujukan sumber rekod-rekod bersejarah yang terdapat di Arkib Negara, Arkib Negeri Kedah/Perlis dan universiti-universiti tempatan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Bagi menghasilkan laporan kajian yang berkualiti, penyelidik menggunakan beberapa kaedah penulisan seperti kaedah naratif dan

---

<sup>18</sup> Ibid,149.

<sup>19</sup> Muhd Yusof Ibrahim,"*Pengertian Sejarah: Beberapa Perbahasan Mengenai Teori Dan Kaedah*".(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka,1986).67.

deskriptif. Kaedah ini menceritakan secara sistematik mengenai pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar pada 1909 sehingga 1957. Pengkaji menghuraikan maklumat dengan menggunakan pendekatan tematik iaitu mengikut tema-tema yang sesuai isu-isu penting selaras dengan objektif kajian ini.

Pengkaji melakukan tinjauan secara kualitatif dalam melakukan penyaringan bagi mengambil sumber rujukan penulisan yang sahih dan diktiraf oleh ilmuan sejarahwan. Selain itu, kaedah yang kritis turut digunakan dalam melakukan penulisan yang berbentuk analisis secara kritis. Kaedah ini dilakukan oleh pengkaji bagi menjawab beberapa persoalan penting dan meneliti kesan pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar. Di samping itu, segala laporan yang diperolehi oleh pengkaji telah ditafsirkan secara hermeneutik iaitu merupakan salah satu disiplin ilmu mengenai pemahaman dan pentafsiran teks.<sup>20</sup>

## 1.6- Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian dalam sesebuah penulisan sangat penting kerana ia merupakan satu panduan atau rujukan kepada pengkaji baharu bagi melihat kaedah kajian, gaya penulisan serta maklumat yang terdapat dalam sesebuah penulisan ilmiah. Oleh itu, kepentingan kajian amat penting bagi seseorang pengkaji untuk mengetahui kepentingan kajian yang dilakukan olehnya.

---

<sup>20</sup>Komaruddin Hidayat, "Upaya Memahami Pesan Tuhan", (Yogyakarta: UII Press, 2006), 5-9.

Kajian yang dilakukan oleh penulis amat penting bagi mendapatkan maklumat dan data yang sebenar berkaitan pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar dan kesannya pada tahun 1909 sehingga tahun 1957. Kajian ini adalah mengenai pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar pada tahun 1909 sehingga tahun 1957 yang menggambarkan taraf pendidikan Inggeris dalam kalangan kehidupan masyarakat Melayu di daerah Kota Setar sebelum, semasa dan selepas pentadbiran kolonial British.

Kajian tentang “Pendidikan Anak-Anak Orang Melayu Di Sekolah Inggeris Daerah Kota Setar, 1909-1957” ini dapat memberikan maklumat kepada masyarakat Melayu tentang sejarah pendidikan Inggeris di tanah air mereka. Walaupun banyak kajian yang berkaitan dengan perkembangan pelajaran Inggeris telah dilakukan, namun kebanyakannya tidak menyentuh secara menyeluruh mengenai perkembangan pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar terutamanya dalam kalangan anak-anak orang Melayu. Dengan adanya kajian ini, masyarakat Melayu daerah Kota Setar khususnya dapat mengetahui dengan lebih terperinci mengenai perkembangan pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar dan penulis turut mengkaji kesan daripada perkembangan pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar kepada masyarakat Melayu di daerah Kota Setar. Kajian mengenai “Pendidikan Anak-Anak Orang Melayu Di Sekolah Inggeris Daerah Kota Setar, 1909-1957” ini amat penting untuk mengetahui perubahan yang telah dilakukan melalui perkembangan pelajaran Inggeris oleh British di daerah Kota Setar, Kedah kepada masyarakat Melayu setempat.

Selain itu juga, kajian tentang “Pendidikan Anak-Anak Orang Melayu DiSekolah Inggeris Daerah Kota Setar, 1909-1957” ini boleh dijadikan sebagai panduan asas kepada penulis yang ingin membuat kajian berkaitan tema ini. Dalam kajian ini, Pengkaji turut membincangkan tentang pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris yang dibawa oleh British di negeri Kedah terutamanya daerah Kota Setar sebagai rujukan atau panduan kepada pengkaji-pengkaji baharu.

### 1.7- Skop Kajian

Skop kajian adalah antara tahun 1909 sehingga tahun 1957. Pengkaji memilih tempoh tersebut kerana ingin mengkaji secara terperinci berkaitan kemasukan anak-anak orang Melayu ke sekolah Inggeris di daerah Kota Setar bagi tempoh 1909 sehingga 1957. Penulis memilih tahun 1909 untuk memulakan kajian kerana pada tahun ini berlakunya perjanjian Bangkok (Perjanjian Inggeris-Siam) yang telah ditandatangani British dan Siam untuk menguasai Negeri-Negeri Melayu termasuklah negeri Kedah.<sup>21</sup>

Perjanjian Bangkok ini merupakan titik tolak kepada campur tangan secara langsung kuasa British ke atas negeri Kedah dan mencatatkan peristiwa terpenting dalam sejarah negeri Kedah. Campur tangan British bukan sahaja dapat dilihat dalam aspek pentadbiran semata-mata, malah dapat dilihat melalui

---

<sup>21</sup> Colonial Office.273/353. Foreign Office to Colonial Office. 10 Ogos 1909,132.

ekonomi dan juga sosial. British telah mewujudkan pelajaran Inggeris di Kedah. Kajian “Pendidikan Anak-Anak Orang Melayu Di Sekolah Inggeris Daerah Kota Setar, 1909-1957” dilakukan dalam skop masa dari tahun 1909 sehingga berakhir pada tahun 1957 kerana pengkaji melihat kepada kesan perkembangan pelajaran Inggeris yang ditinggalkan oleh British sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan persekutuan Malaysia ditubuhkan. Namun kesan pentadbiran kolonial British masih kekal sehingga ke hari ini antaranya ialah sistem percukaian, sistem perhubungan dan banyak lagi.

Kawasan dan skop kajian tertumpu di kawasan seluruh daerah Kota Setar. Pengkaji memilih daerah Kota Setar sebagai kawasan kajian kerana terdapat penerubuan sekolah Inggeris yang pertama di Kedah. Selain itu juga, daerah Kota Setar merupakan antara bandar tertua di Kedah dan mempunyai kedudukan yang strategik. Daerah Kota Setar telah mencapai kemajuan dan perkembangan dari pelbagai aspek seperti politik, ekonomi dan sosial.

### **1.8- Sorotan Kajian**

Pada umumnya, kajian-kajian mengenai pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar tidak pernah dilakukan. Namun sebaliknya kajian-kajian mengenai pendidikan telah banyak dilakukan sama ada dalam penulisan yang telah diterbitkan atau belum diterbitkan.

Menurut penulisan Ramli Saadon *et.al* di dalam jurnalnya yang bertajuk *Perkembangan Pendidikan Orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan Western- Type-Education...*<sup>22</sup> menyatakan bahawa pendidikan orang Melayu sebelum kolonial British adalah sangat kuat dengan terikat dengan corak pendidikan tradisional yang berpegang kepada konsep pendidikan yang berbentuk sosialisasi dan pendidikan kegamaan yang menekan agama Islam.<sup>23</sup> Penulisan ini menceritakan berkenaan dengan perkembangan pendidikan orang Melayu yang terbahagi kepada beberapa jenis bentuk pengajian sebelum kemasukan kolonial British iaitu pengajian secara informal, pengajian agama, pondok-pondok dan pengajian di madrasah.

Penulisan ini turut menyatakan bahawa masyarakat Melayu pada ketika itu menghantar anak mereka melanjutkan pelajaran ke negara timur tengah bagi mendalami ilmu agama. Namun, pihak kolonial British memberikan pandangan bahawa sistem pendidikan orang Melayu tidak berkembang. Penulisan ini telah ditulis berdasarkan sumber-sumber sekunder dan primer seperti penulisan tesis dan buku daripada golongan sejarawan seperti Awang Had Salleh. Namunkajian ini amat berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh penulis yang menekan pendidikan anak- anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar pada tahun 1909 sehingga 1957.

---

<sup>22</sup> Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat, "Perkembangan Pendidikan orang Melayu di Malayasebelum kemunculan Western-Type-Education". Jurnal Perspektif Jil.8 Bil 2 (79-96).

<sup>23</sup> Ibid, 79.

Pengkaji turut membuat tinjauan kajian yang dilakukan oleh Awang Had Salleh di dalam buku terjemahannya daripada tesis beliau sendiri yang bertajuk *Malay Teacher Training In British Malaya (1878-1941)*.<sup>24</sup> Kajian ini berfokus kepada pertumbuhan sekolah-sekolah Melayu yang diikuti maktab perguruan. Kajian beliau adalah berdasarkan kepada tiga unit pentadbiran yang terdapat di Malaya pada ketika itu iaitu merangkumi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Beliau menyatakan bahawa pengenalan sekolah vernakular Melayu pada mulanya tidak mendapat tempat dalam kalangan rakyat namun lama kelamaan sekolah ini mula diterima oleh masyarakat .

Pada tempoh pengenalan sekolah vernakular Melayu sehingga tahun 1941, sekolah vernakular Melayu tidak pernah dimajukan oleh pemerintah kolonial. Sekolah- sekolah vernakular Melayu juga telah menghadapi masalah seperti kekurangan bekalanguru.<sup>25</sup> Disebabkan oleh isu tersebut telah wujudnya beberapa buah maktab perguruan bagi mengatasi masalah ini. Kajian beliau juga telah memetik kepada Laporan Winstedt yang mencatatkan kepada pengenalan tangga gaji baru untuk guru, kelahiran Maktab Perguruan Sultan Idris dan pengenalan kurikulum baru bagi sekolah-sekolah Melayu.

---

<sup>24</sup> Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), 24.

<sup>25</sup> Ibid, 24.

Walaupun penulisan *Malay Teacher Training In British Malaya (1878-1941)* ini tidak spesifik kepada pendidikan anak-anak orang Melayu ke sekolah Inggeris di daerah Kota Setar pada tahun 1909 sehingga 1957 namun penulisan ini secara tidak langsung telah membantu pengkaji untuk memahami perkembangan dan penubuhan sekolah-sekolah Melayu di Malaya .

Selain itu, pengkaji turut merujuk kepada penulisan Khairi Ariffin *et.al* yang bertajuk *Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu pada Zaman Kolonial British sehingga Perang Dunia Kedua*.<sup>26</sup> Kajian beliau telah menfokuskan kepada kurikulum yang dilaksanakan oleh pihak kolonial British di sekolah vernakular Melayu sebelum tahun 1941. Beliau menyatakan bahawa kurikulum yang dijalankan oleh sekolah vernakular Melayu digubal bersesuaian bagi keperluan kehidupan orang Melayu dan matlamat akhirnya membolehkan orang Melayu kembali ke kampung- kampung dan menjalani kehidupan sebagai petani ataupun pekebun kecil.<sup>27</sup>

Penulisan beliau dalam kajian *Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu pada Zaman Kolonial British sehingga Perang Dunia Kedua* ini adalah berdasarkan kepada aplikasi dan perlaksanaan kurikulum pendidikan Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dengan melihat dari aspek kurikulum

---

<sup>26</sup> Khairi Ariffin, Ramli bin Saadon & Ismail, *Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu pada Zaman Kolonial British sehingga Perang Dunia Kedua*. Dlm. Jurnal Pusat Pantara Ilmu dan Bahasa. (2012), Bil. 18, 2.

<sup>27</sup> Ibid, 2.

bagi murid perempuan dan murid lelaki. Dasar pendidikan British dan reaksi orang Melayu terhadap pendidikan sekular ini turut disentuh dalam penulisan ini. Hasil kajian ini mendapati pendidikan Melayu khususnya berada pada tahap yang tidak memuaskan sehingga Perang Dunia Kedua. Di samping itu, perkembangan pelajaran vernakular Melayu semenjak diperkenalkan sehingga Perang Dunia Kedua memperlihatkan agak perlahan.

Walau bagaimanapun, penulisan ini telah membantu pengkaji dalam memperlihatkan perkembangan pendidikan Melayu sebelum Perang Dunia Kedua berlaku. Hal ini sedikit sebanyak telah memberikan gambaran kepada pengkaji mengenai pendidikan Melayu pada zaman kolonial British sehingga Perang Dunia kedua untuk membuat tesis pengkaji yang bertajuk pendidikan anak-anak orang Melayudi sekolah Inggeris daerah Kota Setar pada tahun 1909 sehingga tahun 1957.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Khairi Ariffin yang bertajuk *Dasar Kolonial British terhadap Pendidikan Melayu di Tanah Melayu pada tahun 1900 sehingga 1957...*<sup>28</sup> telah memberi perhatian terhadap pendidikan Melayu di Tanah Melayu yang merujuk kepada konsep pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh British yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran.

---

<sup>28</sup> Khairi b.Ariffin, *Dasar Kolonial terhadap pendidikan Melayu di Tanah Melayu, 1900-1957*:(Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah. Universiti Malaya,2009).

Tesis ini juga turut menjelaskan mengenai sekolah Inggeris yang terdapat di Kajang...<sup>29</sup> serta kesan yang timbul apabila 50 orang pelajar dari sekolah vernakular masuk ke sekolah Inggeris tersebut. Namun skop kajian Khairi Ariffin adalah terbatas hanya di Tanah Melayu sahaja. Ini kerana Sabah dan Serawak tidak termasuk di bawah pentadbiran Kolonial British. Di samping itu, pengkaji menulis berkenaan dengan perancangan serta pelaksanaan dasar Kolonial terhadap pendidikan Melayu.<sup>30</sup> Kajian *Dasar Kolonial British terhadap Pendidikan Melayu di Tanah Melayu* turut membincangkan kesan pelaksanaan dasar-dasar kolonial antara tahun 1900 sehingga 1957 terhadap pendidikan Melayu di Tanah Melayu. Selain itu, kajian *Dasar Kolonial British terhadap Pendidikan Melayu di Tanah Melayu pada tahun 1900 sehingga 1957* turut membandingkan antara pendidikan Melayu, pendidikan Cina dan pendidikan India.<sup>31</sup>

Walaupun penduduk Melayu merupakan masyarakat pribumi di daerah Kota Setar, namun mereka disisihkan oleh kolonial British. Kajian ini juga turut dilakukan bagi melihat perubahan dasar yang dilakukan oleh kolonial British. Namun tidak terdapat sebarang perubahan yang positif terhadap pendidikan Melayu ketika dibawah pentadbiran kolonial British, ini kerana pendidikan Melayu dilihat ketinggalan berbanding dengan pendidikan bangsa lain.<sup>32</sup> Secara

---

<sup>29</sup> Ibid,105.

<sup>30</sup> Ibid,166.

<sup>31</sup> Ibid,171.

<sup>32</sup> Ibid,172.

keseluruhannya kajian *Dasar Kolonial British terhadap Pendidikan Melayu di Tanah Melayu pada tahun 1900 sehingga 1957* lebih tertumpu kepada kepentingan politik, ekonomi dan sosial yang diambil kira oleh pihak kolonial British dalam melaksanakan dasar mereka terhadap pendidikan orang Melayu di Tanah Melayu.

Kajian yang dilakukan oleh Saraswathi A/P Chilliah yang bertajuk “*perkembangan pendidikan Tamil di Selangor sebelum merdeka*”...<sup>33</sup> telah memberi perhatian terhadap pendidikan Tamil di Selangor yang mula bertapak di Tanah Melayu. Beliau membincangkan berkenaan masalah yang dihadapi oleh kaum India dalam mewujudkan sistem persekolahan Tamil di negeri Selangor seperti kekurangan dana dalam menubuhkan sekolah serta mendapat kelengkapan peralatan untuk belajar dengan baik. Kaum India pada zaman kolonial British diletakan di kawasan ladang getah dalam menjana ekonomi pihak penjajah pada ketika waktu tersebut. Kaum India dibawa masuk oleh pihak kolonial British dari Negara India melalui sistem kangani.

Kaum India telah menguasai kawasan perladangan getah pada zaman kolonial British. Disebabkan hal demikian, masyarakat India berusaha memastikan budaya dan tali persaudaraan di India kekal terpelihara melalui cara pendidikan tidak rasmi yang dikenali sebagai pendidikan Thinnai Palli.<sup>34</sup> Namun terdapat guru yang turut berkerja di ladang memberikan pendidikan

---

<sup>33</sup> Saraswathi A/P Chilliah, *Perkembangan Pendidikan Tamil Di Selangor Sebelum Merdeka*. (TesisIjazah Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya,2003).

<sup>34</sup> Ibid,139.

dengan mengajar menulis dan membaca kepada anak-anak kaum India di ladang selepas berakhir waktu bekerja. Guru tersebut menjalankan pekerjaan mengajar di atas rasa tanggungjawab sosialnya terhadap kaumnya sendiri. Hal demikian merupakan titik permulaan bermulanya perkembangan pendidikan Tamil di Selangor. Namun kajian yang dibuat oleh penulis tertumpu kepada pendidikan kaum India dan sekolah Tamil berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang mengkaji berkenaan dengan pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeri daerah Kota Setar pada tahun 1909 sehingga tahun 1957.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram yang bertajuk *perkembangan pendidikan di Serawak...*<sup>35</sup> membincangkan perkembangan pendidikan yang berlaku di negeri Serawak pada zaman pemerintahan James Brooke iaitu tahun 1841. Masyarakat di Serawak terdiri daripada pelbagai suku kaum dan kepercayaan agama, bagi masyarakat Melayu pendidikan secara tidak formal telah bermula sebelum kemasukan James Brooke ke Serawak. Masyarakat Melayu Serawak mendapat pendidikan tidak formal di masjid-masjid, surau-surau dan pondok pengajian agama.

Walaupun masyarakat Melayu mempunyai sistem pendidikan pada zaman pemerintahan kolonial British, namun penguasaan membaca dan menulis

---

<sup>35</sup> Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, " *Perkembangan Pendidikan Di Serawak*", (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).

adalah terhadap golongan bangsawan sahaja.<sup>36</sup> Manakala bagi kaum Cina dan India, mereka mendapat pendidikan secara tidak formal melalui adat dan kebiasaan yang diturunkan kepada generasi muda. Kajian mereka juga membincangkan mengenai dasar-dasar pendidikan yang telah dilakukan oleh James Brooke, Charles Brooke dan Vyner Brooke. Namun kajian yang dilakukan oleh pengkaji buku ini adalah berbeza dengan kajian pengkaji yang bertajuk pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar.

Pengkaji turut membuat tinjauan kajian lepas yang dibuat oleh CheAzmi Bin Zakaria yang bertajuk *Pendidikan inggeris Pada Zaman Kolonial Sebelum Perang Dunia Kedua di Perak*.<sup>37</sup> Dalam penyelidikan ini, beliau telah membincangkan isu yang berkaitan pendidikan Inggeris di Perak adalah satu bentuk pendidikan moden yang dilaksanakan oleh British. Pendidikan moden yang dikelola oleh British adalah melalui badan-badan NGO yang bersifat keagamaan. Penulis turut menyatakan berkenaan dengan tugas dan tanggungjawab British terhadap kebajikan orang Melayu. Selain itu, interaksi sistem pendidikan British secara tidak langsung telah banyak memberi impak yang besar kepada ekonomi, sosial dan politik orang Melayu.

Kajian yang dijalankan oleh Che Azmi ini adalah berfokuskan kepada peranan British terhadap pendidikan Inggeris di Perak serta tanggungjawabnya

---

<sup>36</sup> Ibid,31.

<sup>37</sup> Che Azmi bin Zakaria, *Pendidikan Inggeris Pada Zaman Kolonial Sebelum Perang Dunia Kedua Di Perak*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris,2006).

terhadap masyarakat Melayu. Namun beliau tidak berfokuskan kepada perkembangan pendidikan Inggeris. Oleh itu, pengkaji memilih untuk membuat kajian yang khusus berkaitan pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kota Setar pada jangka masa 1909 sehingga 1957 yang memberikan kesan perubahan kepada daerah tersebut.

Kajian yang telah dibuat oleh Ramlah bt Mohamad Yusoff yang bertajuk *Pendidikan Kolonial British di Pulau Pinang Sebelum Pendudukan Jepun...*<sup>38</sup> lebih berfokuskan pendidikan kolonial British di Pulau Pinang dan kesan terhadap perubahan sosial orang Melayu dan kaum-kaum lain yang menjadikan Pulau Pinang seperti hari ini. Selain itu, kajian ini turut membincangkan tentang kedudukan orang Melayu Pulau Pinang di sebalik dasar pendidikan kolonial British. Penumpuan tersebut secara tidak langsung telah memperlihatkan sejauhmana kesungguhan British dalam mencorakkan pendidikan di Pulau Pinang. Pengkaji turut membincangkan tentang pendidikan di Pulau Pinang sebelum kemasukan British di Pulau Pinang.

Seterusnya selepas kemasukan British, pengkaji telah membuat perbandingan dan perubahan yang dibawa oleh British daripada sudut perkembangan pendidikan kepada anak-anak orang Melayu di Pulau Pinang. Kajian yang dilakukan ini sedikit sebanyak telah memberikan gambaran tentang penguasaan kuasa British dalam melaksanakan dasar pendidikannya.

---

<sup>38</sup> Ramlah bt Mohamad Yusoff, *Pendidikan Kolonial British di Pulau Pinang Sebelum Pendudukan Jepun*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007).

Kajian yang dilakukan oleh Ramlah lebih memfokuskan kepada aspek pendidikan di sekolah sahaja tanpa menyentuh dengan lebih terperinci tentang kemasukan anak-anak orang Melayu ke sekolah Inggeris dan kesan perkembangan pendidikan Inggeris berbanding dengan kajian pengkaji yang menekankan kesan dalam aspek ini. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Ramlah turut membincangkan tentang kesungguhan British dalam mengambil alih sistem pendidikan di Pulau Pinang dengan memperkenalkan sistem yang mengubah sosio budaya masyarakat Melayu sehingga hari ini. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Ramlah sangat membantu pengkaji dalam usaha menyiapkan kajiannya.

Pengkaji turut membuat tinjauan kajian lepas yang dilakukan oleh Albert Anak Francis Akok yang bertajuk *Pendidikan Melayu Pada Zaman Kolonialisme British Di Kuching, Serawak, 1839-1963*.<sup>39</sup> Kajian *Pendidikan Melayu Pada Zaman Kolonialisme British Di Kuching, Serawak, 1839-1963* ini membincangkan tentang sejarah pendidikan Melayu di Kuching ketika zaman kesultanan Brunei sehingga kolonialisme British di Kuching, Serawak. Kajian *Pendidikan Melayu Pada Zaman Kolonialisme British Di Kuching, Serawak, 1839-1963* ini turut membincangkan mengenai cabaran dan kekangan yang dihadapi masyarakat Melayu dalam mendapatkan hak dalam

<sup>39</sup> Albert Anak Francis Akok, *Pendidikan Melayu Pada Zaman Kolonialisme British di Kuching, Serawak Pada Tahun 1839-1963*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2013).

pendidikan sebagai penduduk bumiputera di Kuching. British telah melaksanakan dasar pecah perintah dalam pentadbirannya. Hal demikian secara tidak langsung, jika dilihat dari aspek sosialnya telah memberi kesan terhadap pendidikan orang Melayu.

*Kajian Pendidikan Melayu Pada Zaman Kolonialisme British Di Kuching, Serawak, 1839-1963* ini juga telah memperlihatkan usaha dan galakan yang diberikan oleh golongan pemerintah dan peranan yang dimainkan oleh individu perseorangan dalam memajukan pendidikan Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu Serawak ketika itu. Hasil daripada kajian *Pendidikan Melayu Pada Zaman Kolonialisme British Di Kuching, Serawak, 1839-1963* ini menunjukkan bahawa dasar yang dilaksanakan oleh British di Serawak saling berkait rapat dalam mewujudkan sistem pendidikan yang berbeza mengikut kumpulan kaum dan menjadi faktor utama dalam mewujudkan masyarakat majmuk.

Walaupun kajian *Pendidikan Melayu Pada Zaman Kolonialisme British Di Kuching, Serawak, 1839-1963* ini mempunyai tema yang sama dengan penulis, namun ianya hanya berfokuskan kepada pendidikan Melayu sahaja dan ianya berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Hal ini kerana pengkaji melihat kepada kemasukan anak-anak orang Melayu ke sekolah Inggeris di daerah Kota Setar semasa pendudukan British di Kota Setar. Namun begitu, kajian *Pendidikan Melayu Pada Zaman Kolonialisme British Di Kuching, Serawak, 1839-1963* ini sememangnya membantu pengkaji dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Kajian yang telah dibuat oleh Nik Hazmi bin Nik Man yang bertajuk *Sejarah Perkembangan Sekolah Melayu di Kedah Sebelum dan Selepas Campur Tangan British Sehingga Tahun 1941: Suatu Perbincangan*.<sup>40</sup> Kajian *Sejarah Perkembangan Sekolah Melayu di Kedah Sebelum dan Selepas Campur Tangan British Sehingga Tahun 1941: Suatu Perbincangan* telah membincangkan pendidikan Melayu di Kedah sebelum kedatangan British secara umumnya tidak mempunyai perkembangan yang pesat terhadap pertambahan jumlah sekolah, murid, guru dan kurikulum. Kemasukan British pada tahun 1909 telah melihatkan keadaan sekolah Melayu di Kedah mula mengalami perubahan yang pesat dalam aspek jumlah sekolah, murid, dan guru.

Namun begitu, dari aspek kurikulum sekolah Melayu di Kedah menunjukkan tidak memberansangkan, hal ini kerana dasar British adalah hanya untuk kepentingan mereka sahaja. Kajian ini turut membincangkan mengenai dasar dan pembaharuan yang diperkenalkan oleh kolonial British dalam pendidikan ketika pendudukan British di Kedah bagi mengukuhkan lagi kedudukan mereka. Kajian *Sejarah Perkembangan Sekolah Melayu di Kedah Sebelum dan Selepas Campur Tangan British Sehingga Tahun 1941: Suatu Perbincangan* turut membincangkan mengenai masyarakat Melayu mula berubah untuk menghantar anak mereka ke sekolah pada tahun 1909, hal ini

---

<sup>40</sup> Nik Hazmi bin Nik Man, *Sejarah Perkembangan Sekolah Melayu Di Kedah Sebelum Dan Selepas Campur Tangan British Sehingga Tahun 1941: Suatu Perbincangan*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009).

kerana modal British yang besar telah merancakkan perkembangan-perkembangan sekolah Melayu di Kedah pada ketika itu sehinggalah memasukkan Jepun pada tahun 1941.

*Kajian Sejarah Perkembangan Sekolah Melayu di Kedah Sebelum dan Selepas Campur Tangan British Sehingga Tahun 1941: Suatu Perbincangan* memperlihatkan perubahan perkembangan sekolah Melayu ketika pemerintahan British berbanding sebelum kemasukan British di Kedah. Pelaksanaan dasar pendidikan British ini telah meninggalkan kesan yang ketara kepada penduduk daripada aspek sosial masyarakat Melayu di Kedah. *Kajian Sejarah Perkembangan Sekolah Melayu di Kedah Sebelum dan Selepas Campur Tangan British Sehingga Tahun 1941: Suatu Perbincangan*. banyak membincangkan mengenai dasar pendidikan Melayu yang di bawa oleh British. *Kajian Sejarah Perkembangan Sekolah Melayu di Kedah Sebelum dan Selepas Campur Tangan British Sehingga Tahun 1941: Suatu Perbincangan* membantu pengkaji dengan memberikan gambaran kepada pengkaji tentang pendidikan Melayu yang telah dilaksanakan oleh British di Kedah.

Dalam kajian Nurharishah bt Haron yang menulis tentang *Sistem Pendidikan Vernakular Melayu di Kedah Selatan 1896-1941*.<sup>41</sup> *Kajian Sistem Pendidikan Vernakular Melayu di Kedah Selatan 1896-1941* membincangkan

---

<sup>41</sup> Nurharishah bt Haron, *Sistem Pendidikan Vernakular Melayu Di Kedah Selatan, 1896-1941*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007).

secara terperinci tentang sistem pendidikan vernakular Melayu yang diamalkan pada ketika itu serta perubahan kepada aspek sosial yang memberikan kesan positif kepada masyarakat Melayu di Kedah Selatan.

Sistem pendidikan vernakular Melayu juga secara tidak langsung hanya memberi pendidikan asas kepada anak-anak masyarakat Melayu pada tahun 1896 sehingga 1941 iaitu seperti membaca, mengira dan menulis. Tujuan British mewujudkan sistem pendidikan ini hanyalah untuk memberikan pendidikan yang asas kepada masyarakat setempat bagi kepentingan mereka sahaja. Permulaan sistem pendidikan vernakular Melayu pada peringkat permulaannya tidak mendapat sambutan daripada golongan ibu bapa kerana mempunyai banyak kelemahan. Kelemahan ini dapat dilihat melalui prasarana, pentadbiran dan sebagainya.

Oleh hal demikian, pemerintahan yang dilaksanakan oleh British telah membawa kepada perubahan pendidikan sekolah vernakular Melayu. Kajian ini turut lebih memfokuskan kepada pendidikan sekolah vernakular Melayu sahaja. Walaupun kajian ini mengenai *Sistem Pendidikan Vernakular Melayu di Kedah Selatan 1896- 1941* , namun kajian ini secara tidak langsung telah membantu pengkaji dalam melihat sistem pendidikan yang diamalkan di Kedah pada tahun 1896 sehingga 1941.

## 1.9- Definisi Konsep/ Istilah

### Pendidikan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat pendidikan dierti sebagai perbuatan atau perihal mendidik, latihan dan ajaran.<sup>42</sup> Manakala menurut *encyclopedia* pendidikan adalah proses menerima atau memberi arahan sistematik, terutamanya di sekolah atau universiti.<sup>43</sup> Pendidikan juga diertikan sebagai perkembangan individu termasuklah pendedahkan kepada pelbagai pengalaman yang penting.<sup>44</sup> Oleh itu, dapat dirumuskan di sini bahawa pendidikan adalah pengajaran dan ia termasuklah semua perkara atau perihal berkaitan dengan mendidik dan mengajar.

### Kolonial

Kolonial merupakan satu usaha untuk mengembangkan kekuasaan sesebuah negara atau di luar wilayah negara tersebut. Perkataan kolonial ini berasal daripada perkataan *columus* yang menunjukkan penguasaan sesebuah kuasa besar ke atas kuasa yang lebihkecil. Menurut *encyclopedia* kolonial pada dasar

---

<sup>42</sup>Noresah bt Baharom, *Kamus dewan edisi keempat*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 350.

<sup>43</sup><https://www.google.com/search?q=encyclopedia&ie=utf-8&oe=utf-8&client=firefox-b#dobs=education>

<sup>44</sup>Yaakub Isa, *Almanak Pendidikan*. (Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1996), 203.

atau amalanya memperoleh kawalan politik penuh atau separa ke atas negara lain, mendudukinya dengan peneroka, dan mengeksploitinya secara ekonomi.<sup>45</sup> Manakala menurut Azhar menyatakan bahawa istilah kolonial membawa dua pengertian iaitu proses sesuatu kuasa mendapatkan kawasan penempatan baru melalui kaedah penaklukan dan penghijrahan.<sup>46</sup> Oleh itu, kebanyakan tempat yang menerima pentadbiran kolonial ini adalah negeri yang kaya dengan sumber ekonomi seperti bahan mentah dan sumber-sumber asli.

### Vernakular

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, vernakular membawa maksud penggunaan bahasa atau dialek yang dipertuturkan oleh sesuatu golongan atau kaum dalam masyarakat.<sup>47</sup> Vernakular juga bermaksud bahasa penghantar atau bahasa ibunda.<sup>48</sup> Manakala menurut *encyclopedia* pula, vernakular adalah bahasa atau dialek yang dituturkan oleh orang biasa sesebuah negara atau rantau.<sup>49</sup> Oleh itu, sekolah vernakular merujuk kepada sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa penghantar.

<sup>45</sup><https://www.google.com/search?q=encyclopedia&ie=utf-8&oe=utf-8&client=firefox-b#dobs=colonialism>

<sup>46</sup> Azhar Hj Wahid, "Hegemoni Intelektual Kolonialisme dalam Novel Melayu, Colonial Intellectual Hegemony in Malay Novel" *Jurnal Melayu* (6)2011, 169.

<sup>47</sup> Noresah bt Baharom, *Kamus dewan edisi keempat*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1789.

<sup>48</sup> Sufean Hussin., *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, sistem dan Falsafah*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 11.

<sup>49</sup><https://www.google.com/search?q=encyclopedia&ie=utf-8&oe=utf-8&client=firefox-b#dobs=vernacular>

### 1.10- Pembahagian Bab

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Bab satu merupakan bahagian pertama dan juga permulaan bab yang mengandungi pengenalan terhadap kajian yang dilakukan secara umum dan menyeluruh. Dalam bab ini adalah berkaitan dengan pendahuluan, latar belakang kajian, objektif kajian, pernyataan masalah, tinjauan terhadap kajian lepas, skop kajian, metodologi, kepentingan kajian, carta perbelanjaan kajian, carta gant, pembahagian bab, rumusan dan juga senarai awal bibliografi.

Bab kedua pula, pengkaji mengupas secara menyeluruh mengenai sejarah latar belakang pendidikan Melayu di daerah Kota Setar. Pengkaji juga menjelaskan permulaan pelajaran Inggeris di daerah Kota Setar. Tambahan pula daerah Kota Setar merupakan pusat pentadbiran bagi Negeri Kedah. Selain itu, pengkaji juga menjelaskan secara lebih terperinci mengenai sejarah pendidikan di daerah Kota Setar semasa beradadi bawah naungan kolonial British.

Dalam bab ketiga ini, pengkaji menerangkan dengan lebih lanjut mengenai kemasukan anak-anak orang Melayu ke sekolah Inggeris di daerah Kota Setar dari segi dasar latar belakang pelajar Melayu di sekolah Inggeris di daerah Kota Setar. Dalam bab ini juga, penulis menyentuh tentang peluang kemasukan anak-anak orang Melayu ke sekolah Inggeris serta jenis peperiksaan yang diambil oleh anak-anak orang Melayu ketika di bawah pentadbiran kolonial British di Kedah.

Bab keempat, pengkaji menerangkan statistik kemasukan anak-anak orang Melayu ke sekolah Inggeris Kerajaan serta ke sekolah Perempuan Kampong Baharu. Selain itu, bab ini juga menjelaskan mengenai biasiswa yang diterima oleh anak-anak orang Melayu dalam melanjutkan pelajaran mereka di sekolah Inggeris Kerajaan. Pengkaji juga menghuraikan kejayaan tokoh-tokoh intelektual yang terhasil daripada didikan sekolah Inggeris Kerajaan dan sekolah Perempuan Kampong Baharu.

Bab kelima pula, pengkaji menganalisis kesan pelajaran Inggeris terhadap anak-anak orang Melayu di daerah Kota Setar. Penerangan secara terperinci mengenai peluang anak-anak orang Melayu selepas tamat persekolahan bersertakan bukti mengenai perubahan dalam pelajaran Inggeris yang dilakukan oleh British di Kedah terutamanya daerah Kota Setar. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan dengan kesan pelajaran Inggeris terhadap anak-anak Melayu yang ditinggalkan oleh British selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan tertubuhnya persekutuan Malaysia. Seterusnya, dalam bab ini penulis memberi fokus terhadap sumbangan bekas pelajar sekolah Inggeris kepada masyarakat setempat.

Bab keenam merupakan bab terakhir dalam tesis ini. Dalam bab ini, pengkaji menyimpulkan keseluruhan isi dan juga maklumat yang terdapat dalam kajian ini dari bab pertama sehinggalah bab yang keempat dan kelima.

### 1.11- Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan penglibatan anak-anak orang Melayu ke sekolah Inggeris serta perubahan dan perkembangan dalam pelajaran Inggeris yang di bawa oleh British yang memberikan faedah atau manfaat kepada penduduk daerah Kota Setar dalam tempoh 1909 sehingga tahun 1957. Penilaian dibuat berdasarkan perubahan atau perkembangan yang telah dibawa oleh British dalam aspek pelajaran Inggeris yang seterusnya memberikan kesan kepada perkembangan sistem ekonomi dan sosial masyarakat daerah Kota Setar terutamanya dalam kalangan masyarakat orang Melayu. Pelajaran Inggeris kolonial British secara tidak langsung telah meninggalkan kesan yang sangat mendalam terhadap masyarakat daerah Kota Setar khususnya dari aspek politik, ekonomi dan sosial sehingga sekarang.